

Latihan Kata Kerja Tak Transitif

- A. Arahan: Isi tempat kosong dalam perenggan dengan kata kerja tak transitif berikut.
(Taipkan jawapan di tempat kosong)

terancang	bergerak	terbuka	berkurang
menjadi	berlaku	terganggu	berleluasa

Pemuliharaan terhadap alam sekitar amat penting untuk mengelakkan kepupusan. Ekosistem dan ekologi alam semula jadi akan (1)_____ apabila flora atau fauna pupus. Cuaca juga akan (2)_____ panas dan kering jika penebangan hutan dilakukan secara tidak (3)_____. Habitat semula jadi akan musnah jika pembakaran hutan dilakukan secara (4)_____. Pelbagai jenis haiwan (5)_____ ke kawasan baharu untuk mencari tempat perlindungan. Akhirnya, fenomena ini mengakibatkan kepupusan haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

B. Pilih jawapan yang paling tepat. (Taipkan jawapan ditempat kosong)

1. Dia terkena jangkitan kuman itu selepas _____ tangan dengan pelancong dan luar negara pada minggu lepas.
A. bersalam B. berjabat C. berpegang D. bertepuk
2. Bekalan elektrik di kampung ini sering _____ terutamanya pada musim perayaan.
A. terbengkalai B. terputus C. tergendala D. terganggu
3. Adik ketakutan apabila melihat seekor ular sawa _____ di celah-celah akar pokok ketika pulang dari sekolah.
A. berjalan B. menyusur C. melulur D. melingkar
4. Perahu nelayan di laut itu kelihatan _____ apabila dipukul ombak.
A. terapung-apung B. terolang-aling C. terkapai-kapai D. terumbang-ambing
5. Pakar-pakar perubatan di negara kita sedang _____ untuk mencari penawar Covid-19.
A. berbual B. berdialog C. berbicara D. berbincang

Nyatakan pola ayat bagi ayat-ayat di bawah sama ada FN+FN, FN+FK, FN+FA, atau FN+FS

1. Abu sedang membaca buku di halaman rumahnya.

POLA AYAT:

2. Haikal sangat rajin menulis.

POLA AYAT:

3. Abang saya seorang doktor.

POLA AYAT:

4. Cikgu Liana sedang mengajar di kelas.

POLA AYAT:

5. Jambangan bunga ini untuk ibu sempena ulang tahun hari kelahirannya.

POLA AYAT:

6. Pelakon Korea itu sangat kacak.

POLA AYAT:

7. Rantai leher ini daripada kakak Shikin.

POLA AYAT:

8. Tunku Abdul Rahman ialah Bapa Kemerdekaan.

POLA AYAT:

9. Emak menyapu sampah.

POLA AYAT:

10. Baju-baju di butik itu sungguh mahal.

POLA AYAT:

11. Adik sedang mengulang kaji pelajaran.

POLA AYAT:

12. Cuaca hari ini sangat panas.

POLA AYAT:

13. Ibu Anis guru di SMK Ideal Heights.

POLA AYAT:

14. Rumah saya di Bukit Idaman.

POLA AYAT:

15. Bekal ini untuk Alif bawa ke sekolah.

POLA AYAT: